

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
KAWASAN : PADANG SERAI
TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah terperinci untuk kesesakan dan aliran trafik yang sibuk di persimpangan Taman Sepilai, persimpangan Taman Batu Putih dan persimpangan Sungai Karangan di kawasan Parlimen Padang Serai. Mohon memberi keutamaan menyediakan lampu isyarat di tempat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum cadangan berhubung dengan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Taman Sepilai, persimpangan Taman Batu Putih dan persimpangan Sungai Karangan. Bagi persimpangan Taman Sepilai dan persimpangan Taman Batu Putih, jalan yang dimaksudkan ialah FT169 Jalan Kelang Lama - Mahang. Berdasarkan kepada *Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2019* yang berhampiran, tahap perkhidmatan bagi laluan tersebut masih berstatus LOS A. Walau bagaimanapun, terdapat kesesakan dan kesibukan yang bersifat sementara pada waktu puncak.

Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah merancang untuk kerja – kerja pemasangan lampu isyarat bagi persimpangan Taman Sepilai dan persimpangan Taman Batu Putih. Kerja - kerja pemasangan lampu isyarat di persimpangan Batu Putih Karangan (FT 169) telah pun siap dilaksanakan pada 4 Oktober 2020 yang lalu dengan kos sebanyak RM 235,448.50.

Walau bagaimanapun, bagi pemasangan lampu isyarat di persimpangan Taman Sepilai (FT169), ianya masih di peringkat perancangan yang dijangka pemasangannya pada tahun 2021. Namun begitu, kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Manakala bagi persimpangan Sungai Karangan, jalan yang dimaksudkan ialan FT136 Jalan Kulim – Lunas – Padang Serai - Merbau Pulas. Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia akan menjalankan kajian bagi keperluan pemasangan lampu isyarat atau penambahbaikan berkaitan.

NO SOALAN : 18

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain pemasangan lampu isyarat, Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia juga telah membuat permohonan melalui Borang APJ 2021 bagi Kerja Berkala Bukan Pavement untuk Kerja Menaiktaraf Simpang, Lampu Jalan dan Lain-lain Kerja Berkaitan.

Sekian, terima kasih.